



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 JUN 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	LAMBAKAN SAYUR LOJING KERANA PKPD, SUDAH SELESAI, BH -ONLINE LAMBAKAN SAYUR: TIADA KEPERLUAN WUJUD PUSAT PENGUMPULAN HASIL PERTANIAN DI LOJING, UTUSAN BORNEO -ONLINE AGRICULTURAL ACTIVITIES IN CAMERON HIGHLANDS RESUMED, NATION, SIN CHEW DAILY -12 AKTIVITI PERTANIAN DI CAMERON HIGHLANDS KEMBALI BEROPERASI, SH - ONLINE TELITI CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN DI LOJING, NEGERI KELANTAN, SH -34 AKTIVITI PERTANIAN DI CAMERON HIGHLANDS KEMBALI BEROPERASI, NASIONAL, SH -18 CAMERON HIGHLANDS PKPD HELAH NAIKKAN HARGA SAYUR, NASIONAL, BH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10.	MAQIS SEIZES BONSAI TREES WORTH RM700,000, NEWS IN BRIEF, NST -14 MAQIS SERAH 1.5 TAN KERATAN AYAM SEJUK BEKU KEPADA ZOO NEGARA, NASIONAL, SH -13 MAQIS JOHOR RAMPAS 12 POKOK BONSAI BERHARGA RM700,000, NEGARA, KOSMO -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
11. 12. 13. 14. 15.	ECONSAVE SEDIA BANTU PETANI, PEKEBUN, BISNES, SH -25 UBAH HALUAN BAWA REZEKI BESAR, LOKAL, HM -18 PENYELIA TAPAK KINI JADI PENTERNAK AYAM KAMPUNG, NEGARA, KOSMO -14 TANGKAP IKAN TANPA LESEN DEMI PERIUK NASI, NEGARA, KOSMO -14 SAWAH MENGECIL, BERAS IMPORT, RENCANA, UM -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Lambakan sayur Lojing kerana PKPD, sudah selesai



TUMPAT: Isu lambakan sayuran dari Tanah Tinggi Lojing adalah berikutan beberapa kawasan sekitar dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sekali gus menyebabkan operasi sektor pertanian terhenti.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Naw, bagaimanapun berkata,

sebaik keputusan dibuat dalam mesyuarat Kabinet agar meneruskan operasi pertanian, keadaan semakin pulih.

"Walaupun tidak menyelesaikan secara keseluruhan, sekurang-kurangnya penerusan operasi ini dapat menyelesaikan sebahagian.

"Seriusnya isu ini bagi kami di kementerian apabila Timbalan 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah sendiri turun ke Cameron Highlands untuk meninjau dan berbincang sendiri dengan pengusaha sayuran di sana," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau secara peribadi mengakui sangat gembira mengetahui bahawa pengeluaran sayuran adalah mencukupi untuk negara namun apabila timbul isu sedemikian, pihaknya perlu mencari penyelesaian dengan segera untuk cuba selesaikan.

Terdahulu, beliau hadir di Kampung Kutan Tengah yang dikenakan PKPD mengiringi Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob yang menyampaikan 560 pek sumbangan makanan kepada penduduk di sana.

Sementara itu, Ahmad berkata, kerajaan negeri Kelantan bersetuju meneliti cadangan penubuhan pusat pengumpulan hasil pertanian di kawasan tanah tinggi Lojing, Gua Musang sebagai langkah pengurusan yang lebih teratur sekali gus menangani isu berulang berkaitan lambakan hasil pertanian.



Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (tengah) menyampaikan 560 pek sumbangan makanan kepada penduduk di PKPD Kampung Kutan Tengah Mukim Wakaf Bharu, hari ini. - NSTP/Siti Rohana Idris

"Cadangan untuk mewujudkan pusat pengumpulan hasil pertanian itu akan dilihat dari segi pelaksanaannya termasuk pemilihan lokasi yang sesuai dan sebagainya dan ia perlu diteliti untuk dimanfaatkan oleh Persatuan Pengusaha Sayur dan Bunga Bumiputera Lojing.

"Setakat ini, pusat pengumpulan adalah di Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang, yang berada dalam kawasan PKPD dan menyebabkan berlaku lambakan," katanya.

Ahmad berkata, isu pembaziran 150 tan sayur setiap hari oleh penanam sayur di Lojing akan dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara Kelantan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengatasi kerugian.

Bagaimanapun ia adalah bergantung kepada pandangan oleh pihak Pejabat Kesihatan Negeri berhubung situasi semasa COVID-19 serta lokasi PKPD yang dilaksanakan di sana.

"Perkara ini akan diselesaikan melalui MKN atau Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)," katanya.



- Foto hiasan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Lambakan sayur: Tiada keperluan wujud pusat pengumpulan hasil pertanian di Lojing



CAMERON HIGHLANDS: Tiada keperluan untuk mewujudkan pusat pengumpulan hasil tanaman di Tanah Tinggi Lojing bagi mengatasi masalah lambakan sayur-sayuran yang berlaku di kawasan itu, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah (**gambar**).

Beliau berkata ini kerana pusat pengumpulan hasil tanaman sedia ada di Kampung Raja yang sebelum ini

dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) telah kembali beroperasi kerana ia tertakluk di bawah perkhidmatan perlu.

“Di Lojing, sebenarnya lambakan itu berlaku semasa kita tidak membenarkan pergerakan. Sekarang kita bersyukur kerana semasa mesyuarat Majlis Keselamatan Negara pada 18 Jun lepas telah memberikan kelonggaran supaya ada pergerakan selepas mengambil kira laporan daripada kementerian.

“Kita juga belum bercadang untuk membuka pusat pengumpulan di Lojing kerana pada ketika ini, pusat pengumpulan di Kampung Raja merupakan tempat pengumpulan paling strategik yang meliputi kemudahan seperti tempat penyediaan pembungkusan dan pengedaran,” katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan di Sekatan Jalan Raya (SJR) Lojing Sempadan Kampung Raja di sini hari ini.

Ahmad juga berkata pusat pengumpulan di Kampung Raja membekalkan kira-kira 560 tan metrik hasil pertanian sehari untuk dipasarkan ke seluruh negara dan dieksport ke Singapura.

“Ini merupakan kawasan utama pengeluaran hasil pertanian di negara ini dan untuk makluman, sebanyak 50 peratus hasil pengeluaran dihantar ke Kuala Lumpur, Ipoh sebanyak 16 peratus, di tempat-tempat lain sembilan peratus dan selebihnya, iaitu 25 peratus, dieksport ke Singapura,” katanya.

Beliau juga berkata semua pihak yang terlibat dalam sektor pertanian di Kampung Raja boleh menjalankan aktiviti seperti biasa namun mereka perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepertimana ditetapkan oleh kerajaan di kawasan PKPD.

“Pertama, SOP bukan sahaja melibatkan aspek kesihatan maknanya mereka yang bergejala tidak dibenarkan (bekerja). Kedua, tiada pergerakan keluar yang mana mereka tidak boleh keluar dari kawasan (PKPD) tersebut,” katanya.

Dilaporkan Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan kerajaan negeri itu bersetuju meneliti cadangan penubuhan pusat pengumpulan hasil pertanian di Tanah Tinggi Lojing bagi menangani masalah lambakan di kawasan tersebut.

Beliau berkata langkah penyediaan kemudahan itu perlu diteliti dari pelbagai aspek untuk memberi manfaat khususnya kepada Persatuan Pengusaha Sayur dan Bunga Bumiputera Lojing. - Bernama

Headline	Agricultural activities in Cameron Highlands resumed		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	21 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	137 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,127
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,381



阿末韩查（左二）视察路障时聆听警方汇报。

副農長·羅里通行農民照幹活 金馬崙農業運作復常

（金馬崙20日讯）农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查，今日率领该部官员前往金马崙丹那拉打视察，获彭亨农业局汇报，所有农业活动及相关行业的运作在遵守严格的标准作业程序下复常，通过路障运输蔬果的罗里也如常行走。

农业及食物工业部今日发文告说，报道指随着金马崙数区的管制收紧后，当地所有农业领域均受影响，而副部长等人今日行程的目的，是要实地了解当地农业的运作及运载蔬果罗里过路障的情况。

率农部官员实地视察

随行的还有农业部总监拿督莫哈末纳西尔、联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁，以及彭亨州农业局局长。

文告指出，农业及食物工业部长上周三曾发文告，允许所有农业领域恢复作业，部长也表示内阁已同意允许包括在落实加强管令的农业及相关行业可以继续操作。政府将农业列为重要领域，可在遵守国家安全理事会规定的标准作业程序下作业。

阿末韩查说，甘榜双溪依干至甘榜蓝谷的甘榜拉惹加强管区，共有1500英亩农业地。该区75%的农产品是供应给本地市场，其余25%则出口到新加坡。

文告说，今年6月1日至17日，农业部已特别给金马崙县的农民及企业发出1172项批文，此外农业和食物工业部及联邦农业销售局也与当地农业农民组织密切配合，确保国家的蔬菜供应不会中断。

确保蔬果供应不中断

文告说，估计在该区作业的菜农有500人，花农则有80人，该区每日生产560公吨新鲜蔬菜，其中甘榜拉惹及甘榜蓝谷生产180公吨，而380公吨来自罗京地区。

文告说，金马崙高原75%的蔬菜每天供应到各地，其中50%运到吉隆坡，16%运到怡保及其余9%供应到其地地区市场。

联邦农业销售局也有帮忙安排将农产品分发到巴生河流域、瓜拉登嘉楼、亚罗士打、东甲及而连突。该局也有提供冷冻房及蔬菜分级中心。直到目前为止，该局共给金马崙高原农民和业者发出257项批文，让他们得以继续销售农产品。

阿末韩查此行也移交该部指派于在罗京路障执行任务的前线人员，后者也获彭亨农业局也赠送食物。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Aktiviti pertanian di Cameron Highlands kembali beroperasi



Ahmad (dua dari kiri) ketika meninjau kelangsungan operasi sektor pertanian di kawasan Cameron Highlands pada Ahad.

CAMERON HIGHLANDS - Semua aktiviti pertanian serta rantaianya di daerah ini kembali beroperasi seperti biasa dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Aktiviti itu termasuk kegiatan lori mengangkut hasil buah-buahan dan sayur-sayuran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, operasi pertanian di kawasan tanah tinggi itu kembali seperti biasa berikutan kebenaran kepada semua sektor pertanian untuk beroperasi termasuk bagi kawasan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menurut beliau, ia selaras dengan keputusan kerajaan yang meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya sebagai perkhidmatan perlu yang dibolehkan beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"PKPD Kampung Raja meliputi kawasan dari Kampung Sungai Ikan sehingga ke Blue Valley melibatkan kawasan pertanian seluas sekitar 600 hektar.

"Kira-kira 75 peratus hasil pengeluaran pertanian dari kawasan tersebut untuk pasaran tempatan, manakala selebihnya iaitu 25 peratus untuk dieksport ke Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian ketika turun padang meninjau kelangsungan operasi sektor pertanian di Tanah Rata di sini pada Ahad.

Aktiviti pertanian di kawasan itu sebelum ini didakwa terjejas berikutan pelaksanaan PKPD.

Dalam lawatan itu, beliau turut meninjau operasi di lapangan termasuk pergerakan lori-lori yang membawa hasil pertanian dari beberapa kawasan yang berada dalam kawasan PKPD.

Ahmad berkata, pihak kementerian telah mengeluarkan 1,172 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian kepada petani dan usahawan tani khususnya di daerah Cameron Highlands dalam tempoh 1 hingga 17 Jun lalu.

Katanya, dianggarkan seramai 500 orang pengusaha sayur dan 80 pekebun bunga menjalankan aktiviti pertanian di kawasan itu dengan hasil pengeluaran sayuran segar kira-kira 560 tan metrik setiap hari.

"Daripada hasil keluaran itu, kira-kira 180 tan metrik dari Kampung Raja dan Kampung Blue Valley, manakala 380 tan metrik lagi dari

kawasan Lojing.

"Sebanyak 75 peratus sayur-sayuran dari Cameron Highlands ini diedar setiap hari iaitu 50 peratus ke Kuala Lumpur, 16 peratus untuk pasaran Ipoh, Perak dan baki sembilan peratus untuk pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membantu dalam pengaturan pemasaran dengan mengedarkan hasil pertanian ke beberapa lokasi seperti di Lembah Klang, Kuala Terengganu, Tangkak, Alor Setar dan Jerantut.

"FAMA juga menyediakan kemudahan pusat pengedaran dan penyimpanan bilik sejuk bagi menampung hasil pertanian dari kawasan ini.

"Sehingga kini, FAMA telah mengeluarkan 257 surat kebenaran kepada petani dan pengusaha di Cameron Highlands bagi memudahkan mereka meneruskan aktiviti pemasaran hasil pertanian," katanya.

Pada lawatan yang disertai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli turut diserahkan sumbangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin kepada petugas barisan hadapan di sekatan jalan raya (SJR) Lojing di sempadan negeri.

Turut diserahkan sumbangan produk makanan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi membantu meringankan beban petugas barisan hadapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	34

Teliti cadangan pusat pengumpulan di Lojing

Bagi tangani isu berulang berkaitan pembuangan hasil pertanian di kawasan berkenaan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

TUMPAT

Kerajaan negeri Kelantan bersetuju meneliti cadangan penubuhan pusat pengumpulan hasil pertanian di kawasan tanah tinggi Lojing, Gua Musang.

Cadangan itu sebagai langkah pengurusan yang lebih teratur sekaligus menangani isu berulang berkaitan pembuangan hasil pertanian di kawasan Lojing.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berkata, langkah penyediaan kemudahan itu perlu diteliti untuk dimanfaatkan oleh Persatuan Pengusaha Sayur dan Bunga Bumiputera Lojing.

Beliau berkata, cadangan untuk mewujudkan pusat pengumpulan hasil pertanian itu akan dilihat dari segi pelaksanaannya termasuk pemilihan lo-



Ahmad Yakob (dua dari kanan) dan Che Abdullah (kanan) menyampaikan bekalan beras kepada Ketua Jajahan Tumpat, Rusydee Abdullah sebagai wakil penduduk di PKPD Kutan Tengah, Tumpat.

kasi yang sesuai dan sebagainya.

“Setakat ini, pusat pengumpulan adalah di Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang, yang berada dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menyebabkan lambakan berlaku,” katanya kepada pemberita ketika lawatan ke PKPD Kutan Tengah, Wakaf Bharu di sini pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Ahmad Yakob berkata, isu pembaziran 150 tan sayur setiap hari oleh penanam sayur di Lojing akan dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis

Keselamatan Negeri Kelantan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengatasi kerugian.

Sementara itu, Che Abdullah berkata, pihak kementerian akan memberi kerjasama kepada kerajaan negeri dalam membantu para petani.

“Kementerian sudahpun berbincang berhubung isu pembaziran sayuran ini pada Rabu lalu dan difahamkan dah dibawa ke dalam kabinet bagi mencari jalan penyelesaian,” kata beliau.

Pada Sabtu, media melaporkan 150 tan sayur-sayuran dibuang di Lojing, Gua Musang pada setiap hari berikutan kekangan ketika Covid-19 dan PKPD.

Aktiviti pertanian di Cameron Highlands kembali beroperasi

CAMERON HIGHLANDS - Semua aktiviti pertanian serta rantainya di daerah ini kembali beroperasi seperti biasa dengan pemaian prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Aktiviti itu termasuk kegiatan lori mengangkut hasil buah-buahan dan sayur-sayuran.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, operasi pertanian di kawasan tanah tinggi itu kembali seperti biasa berikutan kebenaran kepada semua sektor pertanian untuk beroperasi termasuk bagi kawasan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menurut beliau, ia selaras dengan keputusan kerajaan yang meletakkan sektor pertanian, perikanan dan perternakan serta rantainya sebagai perkhidmatan perlu yang dibolehkan beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"PKPD Kampung Raja meliputi kawasan dari Kampung Sungai Ikan sehingga ke Blue Valley melibatkan kawasan pertanian seluas sekitar 600 hektar.

"Kira-kira 75 peratus hasil pengeluaran pertanian dari kawasan tersebut untuk pasaran tempatan, manakala selebihnya iaitu 25 peratus untuk dieksport ke Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian ketika turun padang meninjau kelangsungan operasi sektor pertanian di Tanah Rata di sini

pada Ahad. Aktiviti pertanian di kawasan itu sebelum ini didakwa terjejas berikutan pelaksanaan PKPD.

Dalam lawatan itu, beliau turut meninjau operasi di lapangan termasuk pergerakan lori-lori yang membawa hasil pertanian dari beberapa kawasan yang berada dalam kawasan PKPD.

Ahmad berkata, pihak Kementerian telah mengeluarkan 1,172 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian kepada petani dan usahawan tempatan di daerah Cameron Highlands dalam tempoh 1 hingga 17 Jun lalu.

Katanya, dianggarkan seramai 500 orang pengusaha sayur dan 80 pekebun bunga menjalankan aktiviti pertanian di kawasan itu dengan hasil pengeluaran sayur segar kira-kira 560 tan metrik setiap hari.

"Daripada hasil keluaran itu, kira-kira 180 tan metrik dari Kampung Raja dan Kampung Blue Valley, manakala 380 tan metrik lagi dari kawasan Lojing.

"Sebanyak 75 peratus sayur-sayuran dari Cameron Highlands ini diedar setiap hari iaitu 50 peratus ke Kuala Lumpur, 16 peratus untuk pasaran Ipoh, Perak dan baki sembilan peratus untuk pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membantu dalam pengaturan pemasaran dengan mengedarkan hasil pertanian ke beberapa lokasi seperti di Lembah Klang, Kuala Terengganu, Tangkak, Alor



Ahmad (dua dari kiri) ketika meninjau kelangsungan operasi sektor pertanian di kawasan Cameron Highlands pada Ahad.

Setar dan Jerantut.

"FAMA juga menyediakan kemudahan pusat pengedaran dan penyimpunan bilik sejuk bagi menampung hasil pertanian dari kawasan ini.

"Selingga kini, FAMA telah mengeluarkan 257 surat kebenaran kepada petani dan pengusaha di Cameron Highlands bagi memudahkan mereka meneruskan aktiviti pemasaran hasil pertanian," katanya.

Pada lawatan yang disertai Ketua

Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli turut diserahkan sumbangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihain kepada tugas barisan hadapan di sepanjang jalan raya (SJR) Lojing di sempadan negeri.

Turut diserahkan sumbangan produk makanan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi membantu meringankan beban petugas barisan hadapan.

Cameron Highlands harga sayur helah naikkan harga sayur

Peruncit guna
pelbagai alasan,
pekebun pula
dipersalahkan

0149464949/Rosli
@ansiti/rohanaitais
blnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Alasan harga sayur naik disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Cameron Highlands dikenalkan PKP Diperketatkan (PKPD) menjadi taktik segelintir pihak memanipulasikan harga borong barang mentah itu.

Setiausaha Pertubuhan Komuniti Agro Hulu Selangor, Ramlee Mohd Nasir, berkata berdasarkan pengalamannya dan tinjauannya, ada pihak pada peringkat peruncit menggunakan alasan sedemikian sebagai helah untuk menaikkan harga sayur meskipun bukan semua hasil tanaman yang dijual di pasaran berasal dari kawasan tanah tinggi itu.

Katanya, meskipun ada kenaikan harga sayur pada peringkat peruncit, ia hanya menguntungkan sebelah pihak dan bukannya keseluruhan rantaian pembekalan.

"Alasan Cameron Highlands

kena tutup itu helah nak naikkan harga. Walhal bukan semua jenis sayur berasal dari kawasan itu, terutama sayur bijau. Sayur dari tanah tinggi itu antaranya tomato, kubis dan timun.

"Bekalan kubis pun tak ada masalah kerana ia juga diimport dan cili pun tak ada isu. Saya dapati harga pada peringkat peruncit naik mendadak meskipun kami sebagai pengeluar jual pada harga yang masih rendah dan terkawal seperti ditetapkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Sejak PKP 3.0 atau 'total lockdown', jumlah pengeluaran sayur kekal dan kerja di ladang beroperasi seperti biasa. Misalnya kangkung, saya jual pada harga RM1.30 satu kilogram dan pemborong pula jual kepada peruncit sekitar RM2.50. Jadi, kalau harga naik sekalipun cuma antara 20 sen hingga 50 sen bagi sekilogram sayur bijau," katanya ketika dihubungi BH, semalam.



Ramlee Mohd Nasir

dadak di pasaran

Katanya, situasi itu cuma membuatkan pekebun seperti dibuli kerana sebagai pekebun banyak komitmen perlu ditampung antaranya kenaikan harga racun, baja, benih dan barang pertanian lain.

"Walaupun Cameron Highlands katanya ditutup sebab PKPD, kita tidak dengar pula rungutan atau berita harga teh naik? Ini macam kawasan tanah tinggi itu pula satu-satunya bekalkan sayur untuk negara ini.

"Peruncit yang nakikkan (harga) kami pada peringkat pengeluar pula dipersalahkan walhal kami ikut harga ditetapkan FAMA," katanya.

Pengusaha kebun sayur tanah rendah, Roslee Baharuddin, berkata sejak 'total lockdown', tidak ada masalah yang timbul dari aspek pengeluaran sayur pada peringkat pekebun.

Katanya, yang timbul adalah 'manipulasi' harga dalam pasaran pada peringkat peruncit meskipun dia menjual sayur-seperti terung, cili dan bendi pada harga terkawal.

"Segelintir pemborong main peranan. Tetapi mereka ambil 50 sen (lebih). Di pihak kita sebagai pengeluar tiada masalah dan ti-

dak naik mendadak, walaupun kita terpaksa tanggung harga baja, benih dan racun yang meningkat.

"Bagaimanapun kalau kita naik (harga) pun tak mendadak. Macam cili padi saya jual RM10 sekilogram. Bila sampai ke pasar raya jadi RM15 hingga RM16 sekilogram. Bendi pula RM2 hingga RM2.50 sekilogram dan peruncit jual dua kali ganda," katanya.

Di Tumpat, timbul isu lambakan sayur-sayuran dari Tanah Tinggi Lojing berikutan beberapa kawasan sekitar dilaksakan PKPD, sekali gus menyebabkan operasi sektor pertanian terhenti.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, bagaimanapun berkata, sebaik Kabinet memutuskan agar operasi pertanian diteruskan, keadaan semakin pulih.

"Walaupun tidak menyelenggarakan secara keseluruhan, sebarang-kurangnya penerusan operasi ini dapat menyelesaikan sebahagian.

"Serusnya isu ini bagi kami di Kementerian apabila Timbalan 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah sendiri turun ke Cameron Highlands untuk meninjau dan berbincang sendiri dengan pengusaha sayuran di sana," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2021	NST	NEWS IN BRIEF	14

Maqis seizes bonsai trees worth RM700,000

JOHOR BARU: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) and the Customs Department foiled an attempt to bring in bonsai trees at the Pasir Gudang Port last week. Johor Maqis director Hiz-zuan Hasim said Customs personnel detained two containers transporting the bonsai trees and handed them over to Maqis. "Upon inspection, we found 12 bonsai trees of the *podocarpus macrophyllus* species in the containers valued at RM700,000 that have been brought in without a valid import permit." He said the trees were confiscated and a transportation agent was released after his statement was recorded.

Maqis serah 1.5 tan keratan ayam sejuk beku kepada Zoo Negara

RANTAU PANJANG - Sebanyak 1.5 tan keratan ayam sejuk beku yang telah dilucut hak oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan diserahkan kepada Zoo Negara pada Ahad.

Ayam sejuk beku yang disita bernilai RM15,000 itu dijadikan bekalan makanan kepada haiwan yang berada di Zoo Negara.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, selain Zoo Negara, pihaknya turut menyerahkan sebanyak 500 kilogram keratan ayam sejuk beku kepada Penjara Penor, Pahang untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi banduan di Jabatan Penjara

Malaysia. “Kesemua keluaran pertanian telah melalui proses lucut hak mengikut Seksyen 11(f) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya dalam satu kenyataan kepada media pada Ahad.

Roslan berkata, pihaknya akan memperketatkan kawalan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di seluruh negeri ini bagi memantau setiap keluaran pertanian yang masuk ke Malaysia.

“Maqis Kelantan juga tidak akan berkompromi bila melibatkan aspek halal kerana ia perkara paling dititik beratkan oleh umat Islam di negara ini,” katanya.



Roslan (dua dari kiri) menyerahkan ayam sejuk beku yang telah dilucut hak oleh Maqis Kelantan kepada wakil Zoo Negara pada Ahad.

Maqis Johor rampas 12 pokok bonsai berharga RM700,000

JOHOR BAHRU - Cubaan se-buah syarikat pengimport mem-bawa masuk 12 pokok bonsai dari Jepun bernilai RM700,000 gagal selepas ditahan dalam pemerik-saan di Pelabuhan Johor, Pasir Gudang di sini pada Khamis lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidma-tan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Hizzuan Hasim berkata, pihaknya me-nerima serahan dua kontena mengandungi 12 pokok bonsai jenis *podocarpus macrophyllus* pada pukul 9 malam.

Menurut beliau, serahan itu dilakukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana kontena berkenaan tidak memiliki permit import yang sah.

"Sebanyak 12 pokok bonsai itu dipercayai cuba diseludup ma-suk ke negara ini dari Jepun.

"Semakan mendapati ke-semua pokok bonsai spesies *po-docarpus macrophyllus* itu di-anggarkan bernilai RM700,000," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Hizzuan memberitahu, bara-ngan dagangan itu kemudtan ditahan untuk tindakan selanjutnya.

Kes disiasat di bawah seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kua-



PEGAWAI Maqis memeriksa pokok bonsai yang cuba dibawa masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Johor, Pasir Gudang pada Khamis lalu.

rantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Sabit kesalahan, pemilik-nya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Beliau turut menasihati semua pengimport dan pengeksport su-paya mengikut peraturan yang ditetapkan kerajaan bagi memas-tikan kawalan penyakit halwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan Malaysia terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2021	HARIAN METRO	BISNES	25

Econsave sedia bantu petani, pekebun

Johor Bahru: Econsave Cash & Carry Sdn Bhd (Econsave) menggalakkan petani dan pekebun yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 supaya menghubungi pasar raya itu bagi membolehkan hasil tanaman mereka dipasarkan di 85 cawangannya di seluruh negara.

Pengurus Besarnya, Mas Imran Adam berkata, inisiatif itu bertujuan membantu golongan berkenaan memasarkan hasil tanaman mereka tanpa melalui orang tengah.

"Kita memang menggalakkan petani dan pekebun di luar sana yang ada hasil tanaman untuk ke cawa-

ngan berdekatan atau terus menghubungi saya.

"Kerana kebanyakan bekalan kami diambil daripada pembekal berdekatan. Jadi kalau ada dalam kalangan mereka (petani dan pekebun) yang tidak dapat pasarkan hasil tani, boleh beritahu kami," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bantuan keperluan asas kepada seorang suri rumah, Nor Aziah Anuar, yang menanggung 11 anak di Kampung Permatang, Kempas Baru di sini, Sabtu lalu.

Beliau berkata demikian

menjawab pertanyaan pemberita sama ada Econsave mempunyai inisiatif membantu petani atau pekebun yang terjejas akibat PKP 3.0.

Mas Imran berkata, Econsave sudah membantu 25,000 keluarga di seluruh negara menerusi pemberian keperluan asas dan sayur-sayuran, sejak April tahun lepas.

Beliau berkata, ia termasuk bantuan kepada Nor Aziah, 39, yang hidup

serba kekurangan selepas suami dan dua anaknya kehilangan pekerjaan

ketika PKP, tahun lepas.

Sementara itu, Nor Aziah berkata suaminya, Ramizan Ramli, 40, bekerja sebagai juruteknik pendawaian sebelum ini, manakala anak lelakinya yang berusia 22 tahun dan anak perempuan berusia 20 tahun masing-masing bekerja di kilang dan jurujual di sebuah pusat beli-belah.

Menurutnya, demi kelangsungan hidup, mereka sekeluarga kini berniaga burger di hadapan rumah.

"Walaupun pelanggan ada tetapi tidak begitu rancak, mujur ada pelbagai pihak menyalurkan bantuan termasuk Baitulmal yang memberikan RM300 sebulan," katanya.

Inisiatif bertujuan bantu petani, pekebun pasarkan hasil tanaman

21/6/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

18



MUHAMMAD Muizzudin memupuk cili yang ditanam.



BUAH merdeka turut ditanam bersama.



KOMUNITI pertanian diusahakan memindahkan penduduk setempat.

Ubah haluan bawa rezeki besar

Pemuda raih puluhan ribu sebulan hasil kerja keras dalam sektor pertanian selama 10 tahun

Kuala Kangsar

Penglibatan seorang anak muda belia yang berkesungguhan dalam sektor pertanian daerah tempatan di sini, sudah membuka mata banyak pihak apabila perusahaannya memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Muhammad Muizzudin Din, 30, mula meneceritakan diri dalam sektor pertanian sejak 10 tahun lepas sebelum menjadi usahawan kon-

trak pemasaran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) yang berdaftar di bawah Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Daerah Kuala Kangsar pada awal 2015.

Menurut anak kenyah daripada 10 beradik itu, beliau memilih bertakhti di kampung balaman meskipun memiliki Sijil Teknologi Elektrik dari

Saya tidak pernah sangka dapat mencapai tahap ini malahan lebih bangga lagi apabila saya dinobatkan sebagai pekerja pertanian negeri Perak 2021.

Muhammad Muizzudin

Kolej Komuniti Chenderoh berbanding bekerja di ibu kota dan ternyata, keputusan itu tidak sia-sia kerana beliau memilih membuat keputusan memperolehi pendapatan bulanan hingga puluhan ribu ringgit.

"Saya tidak pernah sangka dapat mencapai tahap ini, malah lebih bangga lagi apabila saya dinobatkan sebagai pekerja pertanian negeri Perak 2021 pada Mac lepas dan dilantik sebagai mentor pertanian negeri Perak pada awal bulan ini

(Jun)," katanya di Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) Kampung Talang, di sini.

Ditanya cabaran lambakan hasil pertanian, beliau yang kini mengusahakan tanah pertanian seluas sembilan ekar bertata, Fama Perak memberi bimbingan melalui program Kontrak Pemasaran Mafi menyasarkan Khdmat Pemasaran dibuat dengan mewujudkan *Forward Agreement* bagi beberapa komoditi tanaman yang dibeli oleh lembaga itu.

Di samping inisiatif itu, katanya, Fama menjadikan beliau sebagai peneraju program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) bagi daerah setempat supaya semua penanam hasil pertanian lain dapat menjadikannya pemasar utama di kawasan Kampung Talang khususnya dan Kuala Kangsar secara umumnya.

"Lambakan hasil pertanian sering menjadi masalah petani sehingga ada yang terpaksa menghentikan ak-

tiviti dalam bidang itu, berikutan tidak mampu memperoleh keuntungan terutama tanaman cili disebabkan saingan produk import.

"Tabun ini cabaran besar buat tanaman cili kerana kos operasi RM4.50 namun harga cili jatuh kepada RM2.50 binggga RM6 bagi sekilogram sejak awal tahun ini namun dengan adanya RPKP, kita dapat jual dengan harga lantai pada Fama," katanya.

Dalam usaha Fama meningkatkan pengedaran dan pemasaran hasil pertanian peserta Kontrak Pemasaran Mafi di setiap lokaliti dengan lebih berkesan, Program RPKP terdiri daripada individu, syarikat, koperasi atau kumpulan pemasar yang terlibat terus dalam aktiviti pengedaran hasil pertanian tempatan ini amat membantu petani dan peladang meningkatkan hasil pertanian tempatan ke setiap lapangan pasaran domestik dan eksport.

MUHAMMAD Muizzudin (kanan) bersama hasil cili yang dituai di ladang.



BORHANUDDIN (kanan) menerima kunjungan Mohd. Aswat (kiri) yang melihat perkembangan projek ternakan ayam kampungnya di FELDA Lok Heng Timur, Kota Tinggi baru-baru ini.

Penyelia tapak kini jadi penternak ayam kampung

KOTA TINGGI - Kegagalan per-tana dalam bidang ternakan se-hingga menyebabkan 500 ekor ayam kampung dibela mati lang-sung tidak membolehkan seman-gat seorang pemuda di FELDA Lok Heng Timur di sini untuk terus berusaha.

Borhanuddin Samsudin, 29, berkata, dia mula serius dengan bidang itu selepas tidak bekerja lagi sebagai penyelia tapak di pro-jeq pembangunan di Pengserang.

"Saya berhenti kerja sebab nak jaga mak ayah di sini. Di kampung saya tolong orang tua uruskan kebun sebetun ambil keputus-an untuk terlibat dalam penterna-kan ayam kampung.

"Saya memang suka ayam kerana sejak kecil ayah ada bela ayam di rumah, jadi sedikit se-banyak, saya tahu tentang ilmu penjaga ayam.

"Mula-mula saya ternak 500 ekor ayam dengan modal kira-kira RM10,000, tetapi hampir semuanya mati tanpa diketahui sebab," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Borhanuddin berkata, dia ke-mudiannya bangkit dan mem-pertaruhkan 500 ekor ayam lagi untuk diternak dan akhirnya berjaya mengurangkan kematian ternakannya itu.

Katanya, ketika ini jumlah ayam kampung yang diternak

bersama adiknya, Mohd. Norain, 24, telah bertambah kepada 1,000 ekor ayam.

"Alhamdulillah sekarang ayam kampung mendapat permintaan dari pembekal di Negeri Sembilan untuk dijadikan produk ayam sejuk beku dan ayam salai.

"Ini juga adalah hasil bantuan pihak pengurusan FELDA yang banyak menyokong usaha saya," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Fel-da Lok Heng Timur, Mohd. Aswat Otman berkata, pihaknya me-nyediakan beberapa dana yang boleh dimohon antaranya bantu-an geran melalui Projek Pemb-a-ngunan Peneroka.

Tangkap ikan tanpa lesen demi periuk nasi

KUALA SELANGOR - Demi sesuap nasi, seorang nelayan sanggup mengambil risiko me-nangkap ikan walaupun tidak mempunyai lesen penangka-pan daripada pihak berkuasa.

Mahadi Mukti, 53, berkata, dia telah bekerja sebagai ne-layan sejak empat tahun lalu dengan purata pendapatan ki-ra-kira RM1,500 sebulan.

Katanya, pendapatan itu akan digunakan sebaiknya dalam menyara keluarganya termasuk keperluan kewangan empat anaknya berusia antara 18 hingga 24 tahun yang masih menuntut di universiti awam.

"Pendapatan saya ibarat kais pagi makan pagi, kais pe-tang makan petang. Kadang-kala saya pulang tangan kosong tanpa sebarang tangkapan.

"Saya juga terpaksa menan-gkap udang berhampiran jeti

sekitarnya tiada hasil tangka-pan ikan di laut," katanya ketika ditemui di sebuah jeti di sini baru-baru ini.

Mahadi memberitahu, dia sudah membuat permohonan dengan Jabatan Perikanan Se-langor beberapa tahun lalu, namun sehingga kini lesen itu belum diperolehi.

Ujarnya, keadaan itu me-nyebabkan dia tiada pilihan selain terus menangkap ikan tanpa lesen.

"Selain perbelanjaan anak-anak, saya juga terpaksa mem-bayar pinjaman bot berharga RM7,500 kepada sebuah agensi kerajaan negeri.

"Saya tidak boleh berdiam diri sabaja kerana ada keluarga perlu disara dan diberi makan. Saya harap Jabatan Perikanan permudahkan pemberian le-sen," ujarnya.



MAHADI sedang memeriksa keadaan jela di sebuah jeti nelayan di Kuala Selangor baru-baru ini.

KATA
SAYAOleh
Ku Seman
Ku Hussain

KETIKA meninggalkan kampung halaman di Perlis kerana mendapat tawaran bekerja di Utusan Melayu Kuala Lumpur 1984, semua kawasan sawah ditanam padi dan tidak ada yang terbiar. Rumah saya di tengah-tengah sawah, umpama pulau dikelilingi lautan hijau dan kuning yang saujana mata memandang.

Saya dilahir dan dibesarkan dalam persekitaran sawah padi. Menjadi pesawah sejak berusia 15 tahun ketika di tingkatan tiga. Walaupun secara sambilan tetapi amat memahami kehidupan tradisi keluarga pesawah. Dapat membezakan antara padi mahsuri, malinja atau ria sebelum nama padi ditukar pada kod-kod tertentu.

Tahun 1970-an dan 1980-an ketika saya di kampung, pendapatan pesawah amat kecil, tidak setimpal dengan kerja daripada menanam hingga menuai. Walaupun kerajaan memberikan subsidi baja dan subsidi jualan tetapi bidang ini terdedah dengan risiko - banjir dan serangan serangga.

Kerap juga ternampak mata ibu tergenang apabila dalam masa semalaman, padi yang akan dituai musnah ditenggelami banjir. Itulah sahaja nyawa kami - punca pendapatan dan makanan. Ibarat rezeki terjatuh sebelum sempat sampai ke mulut, dan hanya pesawah dekad 1970-an dan 1980-an yang memahami keadaan ini.

Walaupun ketika itu menanam padi tidak memberikan banyak pulangan, tetapi orang kampung percaya yang dikerjakan itu punca makanan. Asalkan ada beras, yang lain boleh ikhtiar. Ikan air tawar boleh dipancing di sawah, sayur-sayuran dan kelapa ada di belakang rumah. Semua percuma.

Mereka tidak tahu apa itu istilah 'keselamatan makanan' yang digunakan oleh orang akademik dan birokrat. Tetapi mereka percaya beras itu umpama nyawa.



KINI banyak perumahan dan pekan baharu tumbuh di atas tanah sawah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Sawah mengecil, beras import

Sebenarnya yang difikirkan oleh orang kampung adalah peri pentingnya 'keselamatan makanan.' Buktinya setiap keluarga ada jelapang padi.

Kini ketika sesekali balik ke kampung, keadaan sudah jauh berbeza. Sawah sudah semakin kecil. Banyak perumahan dan pekan baharu tumbuh di atas tanah sawah. Dari segi ekonomi, mungkin menjual tanah kepada pemaju jauh lebih menguntungkan berbanding terus dijadikan sawah.

Sesetengah pemimpin di daerah, negeri atau Persekutuan pula, sedikit atau banyak projek perumahan, pekan serta bandar yang didirikan adalah tanda aras pembangunan. Ini termasuklah membangunkan taman-taman perumahan dan bandar baharu di atas tanah sawah.

Kemajuan bukanlah banyak atau sedikit taman perumahan dan bandar-bandar baharu didirikan, apa lagi di atas tanah sawah. Kemajuan yang begini menjadi pemangkin menguncupnya keluasan sawah sekali gus menambah kebergantungan pada beras import. Ini bahaya dari sudut keselamatan makanan.

Kalau lihat dalam jangka



Mereka percaya beras itu umpama nyawa."

masa 40 tahun ketika saya menjadi pesawah hingga kini, bidang penanaman padi tidak banyak berubah. Tahun 1980 kawasan penanaman padi seluas 716,833 hektar. Satu hektar boleh menghasilkan 2,852 kilogram padi. Secara keseluruhan penanaman padi pada 1980 menyumbang 1.3 juta tan metrik beras setahun.

Bagaimanapun mengikut statistik terkini, keluasan kawasan penanaman padi semakin kecil, hanya tinggal 679,315 hektar. Tetapi keluaran agak meningkat - satu hektar menghasilkan 4,194 kilogram padi dan secara keseluruhan menyumbang 1.8 juta tak metrik beras setahun.

Kalau dilihat angka-angka ini memang ada peningkatan yang tentunya disumbangkan oleh penyelidikan dan penggunaan teknologi moden dalam penanaman padi. Tetapi untuk jangka masa 40 tahun, peningkatan yang dicatatkan pada relatifnya kecil. Hasil

keluaran beras tempatan belum membebaskan negara bergantung pada beras import. Pesawah belum mampu mandiri, terpaksa bergantung dengan subsidi.

MANIPULASI

Ketika ini keluaran beras tempatan hanya menampung 70 peratus daripada keperluan dan 30 peratus lagi terpaksa ditampung dengan beras import. Jumlah 30 peratus adalah suatu yang besar dan menjadi tanda bahaya dari sudut keselamatan makanan. Kita terdedah dengan manipulasi harga oleh negara pengeksport. Kalau ini berlaku, kita terpaksa membayar walaupun tinggi kerana beras bukan spageti.

Bayangkan, kita terpaksa mengimport 740,000 tan metrik beras yang dianggar bernilai RM1.18 bilion setahun. Pada era pergolakan geopolitik yang tidak menentu ini, bayangkan kalau ada negara yang tidak mahu mengeksport beras ke Malaysia. Ketika itu, ada duit belum tentu semua boleh jadi kenyataan.

Pengucupan 37,518 hektar berbanding 40 tahun lalu sepatutnya dibendung supaya pertukaran status

sawah pertanian khususnya sawah padi sewenang-wenang pada status kediaman (taman perumahan dan bandar baharu) atau industri.

Memudahkan pertukaran status tanah pertanian menjadi kediaman memberi keuntungan jangka pendek, tetapi kesan yang kurang baik dalam jangka masa yang panjang. Kalau hal ini tidak dibendung mungkin 10 tahun lagi kebergantungan pada beras import bukan lagi 30 peratus malah lebih tinggi lagi.

Kita mempunyai 10 kawasan dinamakan Jelapang Padi Malaysia - antaranya yang besar ialah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kerian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor. Jelapang Padi Malaysia ini adalah 'nyawa' kita.

Jelapang padi ini menyumbangkan 3.45 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di sektor pertanian atau 0.32 peratus pada KDNK negara. Kerajaan menyalurkan subsidi sebanyak RM524.67 juta setahun kepada pesawah. Bagaimanapun, tertakluk pada peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengehendkan kadar subsidi sehingga 10 peratus sahaja daripada kos pengeluaran.

Kerajaan khususnya agensi berkaitan pertanian mesti mencari jalan untuk mengangkat nilai ekonomi dalam bidang penanaman padi. Tanpa nilai ekonomi untuk bersaing dengan bidang lain, tidak ada generasi pelapis yang menyambung kerja mengusahakan sawah.

Pada masa sama, beras tetap menjadi keperluan utama tetapi bidangnya tidak ada nilai ekonomi yang setimpal kepada penggerakannya. Ini satu ironi, permintaan tinggi tetapi tidak mampu menjana ekonomi.

Permasalahan ini mesti dirungkai, riu rendah penggunaan teknologi yang sesetengahnya hanya 'kosmetik' tidak membawa penyelesaian. Semoga masa depan kawan-kawan saya di kampung dan seluruh pesawah di negara ini akan terbelah.

PENULIS ialah Editor Kusarni.com.